



**PERUTUSAN DATUK BANDAR  
MESYUARAT MAJLIS BIL. 4/2024  
30 APRIL 2024 (21 SYAWAL 1445H)**

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi di atas segala limpah kurnia-Nya, di atas kepelbagaian nikmat yang diberikan kepada kita dan diberikan nikmat kesihatan untuk kita menghadiri Mesyuarat Majlis pada hari ini.

Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda, para sahabat dan bagi mereka yang mencontohi Baginda SAW. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri, Ahli-Ahli Majlis, Timbalan Datuk Bandar, Timbalan Setiausaha Pembangunan dan Pengurusan, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya atas kerjasama yang baik diberikan kepada saya untuk mentadbir bandar raya Petaling Jaya.

Saya amat berharap, sokongan dan komitmen yang tuan/puan sentiasa berterusan dalam usaha kita untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan merealisasikan penyampaian perkhidmatan Majlis.

## **2. PERKHIDMATAN AWAM TUNJANG NADI NEGARA**

Perkhidmatan awam adalah tonggak kepada negara dan tugas utama penjawat awam adalah mengangkat sistem dan peraturan negara dengan tegak dan hukumnya.

Warga perkhidmatan awam tidak boleh mengamalkan budaya selesa sebaliknya bertekad dan beriltizam untuk terus melaju dalam melaksanakan perubahan ke arah yang lebih baik dalam pentadbiran perkhidmatan awam demi meletakkan martabat kepentingan dan hak rakyat sebagai keutamaan dalam membudaya prinsip ketelusan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Kesungguhan Kerajaan membuat perubahan dengan tidak mengizinkan sebarang kebocoran, ketirisan, bermewah dalam melaksanakan program dan rasuah terus berleluasa perlu diambil serius semua pihak. Turut ditekankan perubahan kontrak Kerajaan juga tidak akan diberi kecuali melalui tender terbuka.

Kerjasama erat penjawat awam dengan kepimpinan Kerajaan perlu dipereratkan lagi dalam usaha membawa perubahan yang positif dan transparensi, menggalakkan pelaburan, memulihkan keyakinan dan memacu pertumbuhan ekonomi negara ke arah membawa kegemilangan negara.

Sehubungan itu, jika tiada perubahan berlaku, peraturan tidak dipatuhi dan ada upaya dalam mencari kesempatan akan merosakkan imej dan menjelaskan kekuatan penjawat awam sebagai tonggak kegemilangan negara dalam menjalankan tugas.

### **3. MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA KOMITED MELAKSANAKAN ISLAH DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya komited mengamalkan inti pati empat perkara yang dirumuskan kerajaan sebagai iltizam untuk melaksanakan islah dalam perkhidmatan awam.

Di bawah perkara pertama iaitu memperkenalkan dua lonjakan utama meliputi tatakelola dan rangka kerja institusi, berkaitan rasuah. Majlis telah mengamalkan pensijilan MS ISO 37001:2016 ABMS. Sebanyak 133 risiko rasuah daripada 80 proses utama telah melepassi audit pematuhan oleh pihak SIRIM pada 20-22 Mac 2024 yang lalu.

Kedua menekankan pengukuhan jati diri dan akhlak dalam diri setiap warga Majlis. Pemantapan integriti melalui pendidikan kesedaran antirasuah yang dikembangkan kepada semua peringkat warga kerja, manakala agenda mempromosi dan mendidik masyarakat mengenai nilai murni demi membina sahsiah terpuji akan terus direkayasa.

Ketiga, MBPJ memperkemas dan memperkasa jentera perkhidmatan Majlis, dengan membantu menyelesaikan urusan yang tertangguh dan menyegerakan pelaksanaan projek serta penyampaian perkhidmatan.

Keempat, memperluas akses perkhidmatan awam kepada rakyat, dengan fokus kepada pendigitalan perkhidmatan. Itizam Majlis dalam memberi perkhidmatan terbaik serta menjadi PBT yang bermaruah dan antirasuah akan melonjakan imej positif dan berprestasi tinggi MBPJ di sisi pandangan masyarakat dan penduduk bandar raya Petaling Jaya.

#### **4. PRESTASI KEWANGAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

Prestasi keseluruhan kutipan hasil Majlis sehingga 31 Mac 2024 adalah sebanyak RM146.627 juta atau 35.29 peratus berbanding dengan anggaran hasil sebanyak RM 415.479 juta. Kutipan Hasil Cukai berjumlah RM 119.370 juta (41.90 %) menunjukkan sedikit penurunan berbanding tempoh yang sama bulan Mac tahun 2023 sebanyak RM 122.738 juta. Manakala kategori Hasil Bukan Cukai juga menunjukkan penurunan sebanyak RM3.375 juta iaitu daripada RM30.203 juta pada Mac 2023 kepada RM26.828 juta pada Mac 2024.

Bagi Prestasi Perbelanjaan pula, sehingga 31 Mac 2024, sebanyak RM85.087 juta atau 18.93 peratus telah dibelanjakan berbanding anggaran sebanyak RM 449.457 juta. Sebanyak RM 70.286 juta atau 19.52 peratus Belanja Mengurus telah dibelanjakan, manakala sebanyak RM14.801 juta atau 16.57 peratus telah dibelanjakan untuk Belanja Pembangunan.

Pada tahun 2024, Majlis telah memperuntukkan Belanja Pembangunan sejumlah RM 89.330 juta berbanding dengan anggaran keseluruhan kutipan hasil sebanyak RM415.479 juta bagi

menampung projek-projek Pembangunan bertujuan untuk memberi kemudahan dan kesejahteraan kepada penduduk Petaling Jaya.

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Majlis pada 31 Mac 2024 berada di dalam keadaan kukuh di mana kedudukan rezab bersih Majlis adalah berjumlah RM 173.525 juta.

Perbelanjaan secara berhemah dan usaha meningkatkan kutipan hasil Majlis akan diteruskan bagi menjamin penyampaian perkhidmatan yang tepat dan berkesan serta dapat memenuhi kehendak seluruh penduduk Petaling Jaya.

## **5. PENGEMASKINIAN JADUAL KADAR DUTI HIBURAN DI NEGERI SELANGOR**

Pada 21 Februari 2024, Majlis telah menerima surat daripada Perbendaharaan Negeri Selangor mengenai cadangan pengemaskinian jadual kadar Duti Hiburan di Negeri Selangor bagi pindaan kedua.

Terdapat 12 aktiviti hiburan yang telah dikenakan kenaikan kadar cukai hiburan dan 2 aktiviti yang dikekalkan kadar cukai hiburan. Tarikh penguatkuasaan kenaikan kadar cukai tersebut adalah bermula pada 1 Januari 2025. Aktiviti-aktiviti yang dikenakan dan dikekalkan adalah seperti berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>Aktiviti Terlibat Kenaikan Kadar Cukai</b>
1	Mesin-mesin Hiburan / Mesin-mesin Elektronik / <i>Hi-Tech Machine / Juke Box / Kiddy Rides / Trains / Ferris Wheel / Jackpot / Crane Machine / I-Pong / Dart Elektronik / Mesin Slot / Pin Ball</i>
2	<i>Pipe Music</i>
3	Snuker / Pool / Billiard / <i>Football Table / Karaoke Box / Karaoke Bilik / Simulator / Go-Kart / Boling / VR Machine / Permainan Konsul Video / Car Crash / Crazy Kart / Water Bike / Donut Boat / Water Taxi</i>
4	Pub / Karaoke (Terbuka) / Karaoke Bilik Besar / <i>Lounge / Café / Music Machine / DJ Music / Panggung Mini / Laser Disk</i>
5	Gelanggang Kasut Roda / Pertandingan e-Sport / Pertandingan Sukan / Larian / Basikal / Gelanggang <i>Paintball / Skrin Layar</i>
6	Luncur Ais / Gelanggang Permainan / <i>Escape Game / Studio</i>
7	Disko / <i>Ballroom</i>
8	<i>Live Music / Live Band</i>

9	Pesta Hiburan / <i>Fun Fair</i> / Taman Hiburan / Mini Expo di Kompleks atau Tempat Awam / Taman Tema / Sarkas / Pertunjukan Binatang / <i>Petting Zoo</i> / <i>Team Building</i> di Kompleks atau Tempat Awam
10	Pameran di Kompleks / Tempat Awam
11	Pertunjukan Pentas / Teater / Konsert / Pertunjukan Tarian / Jamuan
12	Makan malam di dewan atau hotel dan lain-lain
<b>Bil.</b>	<b>Aktiviti Yang Tidak Terlibat Kenaikan Kadar Cukai</b>
1	Wayang tokong
2	Lain-lain hiburan bertiket / panggung wayang

## 6. INTEGRITI KEUTAMAAN MAJLIS

Untuk makluman semua, sejak akhir-akhir ini, Majlis mengesan terdapat beberapa syarikat yang memasuki tawaran tender atau sebut harga didapati tidak berlaku jujur dengan mengemukakan maklumat kewangan yang tidak benar.

Jika dibiarkan berlaku, trend dan situasi ini dilihat sangat membimbangkan kerana menyulitkan pelbagai pihak dan menyebabkan Majlis mengalami kerugian dari aspek masa, tenaga kerja, wang ringgit dan imej kerana projek tidak dapat dilaksanakan seperti dijadualkan dan MBPJ perlu membuat pelawaan semula.

Kepada mana-mana syarikat yang tidak berlaku jujur ini, Majlis ingin menegaskan bahawa Majlis tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang tegas dan akan membuat laporan kepada pihak yang berwajib.

Justeru itu, saya mengingatkan kepada syarikat yang ingin memasuki tender dan sebutharga di Majlis Bandaraya Petaling Jaya hendaklah mengemukakan dokumen yang betul dan mematuhi segala prosedur yang telah ditetapkan.

## **7. SAMBUTAN HARI BUMI 2024**

Bersempena dengan sambutan hari bumi sedunia 2024, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengadakan Pelancaran Program Karnival Kitar Semula Bersama Komuniti PJ 2024 pada 22 April yang lalu.

Program karnival diadakan bertujuan untuk merai dan menghargai peranan dan kerjasama yang diberikan oleh penduduk Petaling Jaya dan rakan-rakan strategik MBPJ seperti Nestle Products Sdn. Bhd, KPT Recycle Sdn. Bhd. dan juga Tetra Pak Malaysia Sdn. Bhd. yang telah bersama-sama MBPJ menjayakan program kutipan kitar semula pintu ke pintu yang diadakan sejak tahun 2020.

Pada program itu, Majlis berjaya mengumpul sebanyak 85 kawasan dalam Petaling Jaya yang telah menyertai program kutipan kitar semula pintu ke pintu mengikut fasa bermula tahun 2020 iaitu daripada fasa pertama sehingga fasa kelima yang telah bermula pada bulan Januari yang lepas.

Sehingga kini jumlah penyertaan penduduk kediaman bertanah adalah sebanyak 54,500 unit kediaman dan purata penyertaan penduduk adalah sebanyak 60.08 peratus. Manakala jumlah barang kitar semula yang berjaya dikutip di bawah seliaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada tahun 2023 adalah sebanyak 4,239.2 tan dan sebanyak 1,914.6 tan adalah daripada program kutipan kitar semula pintu ke pintu ini.

Dalam masa yang sama, Majlis juga turut melancarkan Aplikasi 3R Famili yang merupakan platform memudahkanca untuk penduduk Petaling Jaya berkomunikasi bersama Majlis dan rakan strategik mengenai kutipan kitar semula dan lokasi terkini lori kutipan kitar semula berada.

Saya berharap agar progam ini dapat memberi impak dan pendekatan secara terus kepada penduduk setempat tentang kaedah pembuangan sampah dengan betul serta mempraktikkan kaedah pengasingan sampah melalui kitar semula dalam memakmurkan dan mengharmonikan bandar raya Petaling Jaya yang kita sayangi ini.

## **8. KES DENGGI DI PETALING JAYA**

Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada minggu ke 16/2024 adalah sejumlah 123 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 2,734 kes yang dilaporkan. Keadaan ini meningkat sebanyak 15 peratus daripada jumlah kes pada minggu sebelumnya iaitu 107 Kes. Tiada kes kematian yang dilaporkan. Terdapat penurunan lokaliti wabak sebanyak 7.8 peratus (59 lokaliti) bagi ME 16 berbanding ME15 (64 lokaliti).

Untuk makluman semua, Majlis melalui Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekutuan telah melakukan kawalan dan pencegahan terutamanya di lokaliti *hotspot*. Kawalan dan pencegahan rutin iaitu semburan ruang *thermal*, semburan ULV dan semburan TIFA, pemusnahan tempat pемbiakan, dan pendidikan kesihatan turut diadakan.

<b>LOKALITI WABAK</b>	<b>JUMLAH WABAK MINGGU EPID 15/2024</b>	<b>JUMLAH WABAK MINGGU EPID 16/2024</b>
<b>Wabak Baru (WB)</b>	<b>6</b>	<b>2</b>
<b>Wabak Terkawal (WT)</b>	<b>32</b>	<b>39</b>
<b>Wabak Tidak Terkawal (WTK)</b>	<b>7</b>	<b>2</b>
<b>Hotspot (HS)</b>	<b>19</b>	<b>16</b>
<b>JUMLAH LOKALITI WABAK (WT+WB+WTK+HS)</b>	<b>64</b>	<b>59</b>

Bagi kawalan dan pencegahan di lokaliti *hotspot*, Majlis telah melakukan kawalan tambahan iaitu dengan melakukan *mess larvaciding* dan operasi pemeriksaan rumah ke rumah secara bersepadu bersama Pejabat Kesihatan Daerah Petaling.

Operasi ini dilakukan pada waktu malam dengan target penambahan peratus rumah diperiksa akan meningkat berbanding pemeriksaan di siang hari. Hasil operasi bersepadu mendapati, peningkatan 20 peratus jumlah rumah di periksa waktu malam dapat dicapai berbanding pemeriksaan waktu siang.

**Sekian, terima kasih.**





